



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan: 15 / 2011

Semua
Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Dekan Fakulti
Rektor
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

السلام عليكم ورحمة الله و بركاته

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan



ETIKA PAKAIAN DAN SAHSIAH RUPA DIRI SEMASA BEKERJA BAGI STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan fesyen pakaian yang sesuai dan kemas dipakai oleh staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) semasa bekerja dan menghadiri upacara rasmi.

Selaras dengan Peraturan 5, Bahagian II, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta: 605], UiTM juga menggunakan etika pakaian seperti tertera di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006.

ETIKA PAKAIAN SEMASA BEKERJA DAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

1. Pakaian wanita:

1.1. Pakaian yang dibenarkan:

- Selaras dengan keputusan Mesyuarat Eksekutif UiTM pada 27.01.1999, semua staf wanita yang beragama Islam dikehendaki memakai baju kurung pada hari Isnin (Hari Korporat) dan Jumaat.
- Semua staf digalakkan memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis.
- Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja seperti baju kurung, sari / kebaya yang tidak terlalu ketat dan mendedahkan bahagian badan.
- *Skirt Suit* (iaitu kain labuh dan blaus) atau *Pant Suit* (iaitu berseluar panjang dan blaus) adalah dibenarkan dengan syarat ia hanya harus diperbuat dari jenis kain dan warna yang sama. Potongan tidak terlalu ketat dan menjolok mata.
- Kasut tertutup atau lain-lain kasut yang mempunyai bentuk yang sesuai boleh dipakai.

- Staf yang menghadiri majlis rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi majlis tersebut dan jika pakaian tidak ditentukan, hendaklah berpakaian dengan sepatutnya bagi majlis tersebut.

1.2. Pakaian yang tidak dibenarkan:

- *Jeans, slacks / pants* atau seluar pendek (termasuk seluar paras lutut) dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.
- **Padanan blaus dan seluar panjang** yang diperbuat dari jenis kain dan warna yang berbeza tidak dibenarkan.
- Selipar atau sandal tidak dibenarkan dipakai semasa bekerja.
- Tidak dibenarkan memakai pakaian yang memberi sangkaan seolah-olah hendak menghadiri pesta atau bersantai.

1.3. Staf wanita yang hamil:

- **Staf wanita yang hamil** adalah tertakluk kepada etika pakaian yang sama. Walau bagaimanapun, Jubah / *maxi* adalah dibenarkan.

2. Pakaian Lelaki:

2.1. Pakaian yang dibenarkan:

- Staf lelaki dikehendaki memakai **seluar panjang dan baju kemeja** dengan warna yang sesuai; dan jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.
- *Lounge suit* atau *bush jacket* dengan bahan kain yang sesuai adalah dibenarkan.
- Pakaian Baju Melayu lengkap dengan bersamping; atau pakaian baju mirip dengan potongan Baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.
- Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya boleh dipakai. Capai boleh dikenakan dengan pakaian Baju Melayu yang lengkap bersamping.
- Staf yang menghadiri majlis rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi majlis tersebut dan jika pakaian tidak ditentukan, hendaklah berpakaian dengan sepatutnya bagi majlis tersebut.

2.2. Pakaian yang tidak dibenarkan:

- Pakaian Baju Melayu dengan kain sarong/pelekat adalah tidak dibenarkan.
- *Jeans* atau seluar pendek (termasuk seluar paras lutut) tidak boleh dipakai semasa bekerja.
- Selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak dibenarkan dipakai.
- **Tidak dibenarkan** memakai pakaian yang kasual dan pakaian yang memberi sangkaan seolah-olah hendak menghadiri pesta atau bersantai.

SAHSIAH RUPA DIRI SEMASA BEKERJA DAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

3. Sahsiah rupa diri staf lelaki/wanita:

- 3.1. Rambut hendaklah kemas, pendek (tidak melebihi kolar baju) dan tidak terbiar.
- 3.2. Fesyen rambut mestilah melambangkan etika seorang staf UTM dan tidak diwamakan.

PAKAIAN SERAGAM

4. Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi mereka yang dibekalkan dengannya (contoh: Pengawal Keselamatan, Pembantu Ami Pejabat).
5. Pengecualian pakaian berseluar hanyalah kepada staf yang terlibat dengan kerja-kerja luar (contoh: Jurutera, Jurukamera).

TARIKH KUATKUASA


6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya pekelliling ini, pekelliling-pekelliling berikut adalah dibatalkan:
 - 7.1. Surat Pekeliling Rektor Bil. 100 Tahun 1998;
 - 7.2. Pekeliling Pendaftar Bil. 28 Tahun 2001;
 - 7.3. Pekeliling Pendaftar Bil. 30 Tahun 2007;
 - 7.4. Pekeliling Pendaftar Bil. 2 Tahun 2008; dan
 - 7.5. Pekeliling Pendaftar Bil. 39 Tahun 2008.

Sekian.

Yang benar,



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Fail Kami : 100-BPD(PTA.6/3)
Tarikh : 21 April 2011